

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 10 OGOS 2022  
AKHBAR : KOSMO  
MUKA SURAT : 38

### Kadar pengangguran terendah bulan Jun



KADAR pengangguran yang terus menurun memberi gambaran persekitaran ekonomi berkembang dengan baik. – GAMBAR HIASAN

## Kadar pengangguran terendah bulan Jun

**PETALING JAYA** – Kadar pengangguran pada bulan Jun menurun kepada 3.8 peratus iaitu yang terendah sejak pandemik Covid-19 melanda negara.

Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Mustapa Mohamed berkata, bilangan penganggur berkurang kepada 630,600 orang berbanding 3.9 peratus berbanding seramai 637,700 orang pada bulan Mei 2022.

Menurut beliau, berdasarkan Statistik Tenaga Buruh, Malaysia pada bulan Jun lalu, negara telah mencapai guna tenaga penuh sejak bulan April 2022 iaitu kadar pengangguran di bawah empat peratus

berdasarkan definisi yang ditetapkan oleh Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD).

“Pencapaian pasaran buruh adalah selaras dengan aktiviti ekonomi semasa yang lebih kukuh susulan peralihan negara ke fasa endemik.

“Permintaan terhadap buruh telah meningkat, sekali gus ia membuka lebih banyak peluang pekerjaan dalam pasaran,” katanya dalam kenyataan yang dikeluarkan semalam.

Mustapa menerangkan, bilangan penduduk bekerja telah meningkat sebanyak 0.2 peratus pada Jun 2022 kepada 15.94 juta orang berbanding 15.90 juta pada bulan Mei.